

# UPM mohon lesen untuk Radio Putra FM

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) akan memohon lesen daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) bagi mengukuhkan operasi Stesen Radio Putra FM (Putra FM), termasuk sebagai tempat latihan penyiaran.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Mohd Zohadie Bardiae, berkata ketika ini Putra FM beroperasi di bawah naungan lesen Radio Malaysia Selangor (RMS), stesen kerajaan yang dikendalikan Radio Televisyen Malaysia (RTM).

MCMC ialah agensi di bawah Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia yang menge luarkan lesen dan memantau industri komunikasi dan multimedia.

Jika mempunyai lesen sendiri, katanya, Putra FM mungkin akan menambah waktu siaran berbanding sekarang dari 6 petang hingga 12 tengah malam, Isnin hingga Jumaat.

Selain itu, katanya, lesen berkenaan akan membolehkan Putra FM yang dipancarkan menerusi gelombang 94.9 FM menghasilkan produk baru seperti radio menerusi internet.

"Stesen radio di UPM ini beroperasi dengan teknologi digital sepenuhnya dengan bantuan lima kaitangan tetap dan dipancarkan untuk siaran pendengar di sekitar Serdang dan Seri Kembangan.

"Apabila sudah ada lesen sendiri,

Putra FM juga dapat mengukuhkan operasi sebagai tempat latihan pelajar penyiaran secara lebih tersusun dan mengadakan pelbagai rancangan bagi membantu proses pengajaran dan pembelajaran mereka.

"Putra FM tidak akan menjadi stesen komersial kerana ia diwujudkan untuk membantu pelajar menimba pengalaman secara hands-on," katanya selepas Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan RTM di Serdang, Selangor, semalam.

Dr Mohd Zohadie menandatangani MoU itu bagi pihak UPM, manakala Pemangku Ketua Pengarah RTM, Datuk Abdul Rahman Hamid mewakili RTM.

Dr Mohd Zohadie berkata, MoU itu sebagai tanda hubungan kerjasama rasmi dengan RTM yang menerima pelajar Fakulti Bahasa Modern dan Komunikasi universiti itu mengikuti latihan industri sejak tiga tahun lalu.

Selain itu, katanya, RTM menerusi RMS juga membenarkan pelajar dan kakitangan UPM mengendalikan rancangan Cit Cat Kampus selama sejam, mulai jam 10 pagi setiap Ahad.

Katanya, rancangan yang menyiar kan berita dan maklumat mengenai kegiatan institusi pengajian tinggi di Kuala Lumpur dan Selangor itu dipancarkan menerusi gelombang 100.9 FM RMS.